

JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN BAGI PENGIMPORT, PENGEKSPORT, DAN EJEN  
DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA  
(PENDAFTARAN PENGIMPORT, PENGEKSPORT DAN EJEN) 2013  
[P.U.(A) 112/2013]

SISTEM PENDAFTARAN EJEN EKSPORT/IMPORT DAGANGAN (SPEED)

Permohonan pendaftaran sebagai pengimport, pengekspor, atau ejen adalah tertakluk kepada syarat-syarat pendaftaran seperti berikut:-

**A. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN**

Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat pendaftaran seperti berikut:-

1. Pemohon memiliki Kad Pengenalan atau Passport bagi pengesahan status warganegara.
2. Pemohon kategori Perniagaan/Perkongsian/Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
3. Pemohon kategori Perniagaan/Perkongsian/Syarikat merupakan Perniagaan/Perkongsian/Syarikat yang melaksanakan kerja-kerja pengimportan atau pengeksportan sesuatu tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma.
4. Pemohon kategori Syarikat Ejen perlu kekal aktif sebagai Ejen Lantikan Kastam sepanjang tempoh pemohon berdaftar sebagai ejen MAQIS.
5. Pemohon tidak dibenarkan untuk berkongsi atau memberikan Akaun ID pemohon bagi tujuan kegunaan orang lain.
6. Pemohon hendaklah melaporkan dengan serta-merta kepada Pegawai Penguatkuasa MAQIS sekiranya Akaun ID pemohon telah digodam oleh orang lain.
7. Pemohon hendaklah mengemukakan apa-apa dokumen dan rekod berkaitan sekiranya diminta oleh Pegawai Penguatkuasa MAQIS.
8. Pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya kepada sebarang ketidakpatuhan semasa tempoh pemohon berdaftar sebagai pengimport, pengesport, atau ejen.
9. Mana-mana pemohon yang telah berdaftar dengan jabatan hendaklah sentiasa akur dengan ketetapan dan syarat-syarat pengimportan/pengekspортan yang tertakluk di dalam permit.
10. Pemohon hendaklah mematuhi segala peruntukan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, serta segala syarat-syarat pendaftaran ini.
11. Syarat-syarat pendaftaran ini hendaklah kekal terpakai sepanjang tempoh pemohon berdaftar sebagai pengimport, pengesport, atau ejen.
12. Ketua Pengarah MAQIS boleh meminda mana-mana syarat di atas pada bila-bila masa sekiranya difikirkan perlu.

**B. PEMBATALAN PENDAFTARAN**

Sekiranya pemohon didapati melanggar mana-mana peruntukan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] termasuk peraturan-peraturan di bawahnya atau mana-mana syarat-syarat pendaftaran ini, pendaftaran pemohon dan Akaun ID pemohon boleh **DIBATALKAN DENGAN SERTA MERTA**.

**C. PENGAKUAN PEMOHON**

Saya bersetuju dengan syarat-syarat yang dinyatakan di atas.

Pengimport/Pengekspor/Ejen

.....

Tandatangan

Nama :

No. Telefon :

Tarikh:

cap rasmi  
syarikat